

**Pemandu Nafi Dakwaan Wan Azizah Mengenai Belanja Dana GTP
Bernama
12 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) menafikan tuduhan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bahawa Putrajaya membelanjakan 71 peratus daripada dana Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk meningkatkan persepsi orang ramai terhadap polis dan bukannya untuk membanteras jenayah.

Menurut Pemandu, kenyataan yang dibuat oleh Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu 'salah sama sekali dan tidak bertanggungjawab'

"Datuk Seri Wan Azizah sepatutnya mengesahkan terlebih dahulu fakta-fakta beliau sebelum mengeluarkan kenyataan kepada media dengan maksud untuk mengelirukan orang awam di Malaysia tentang kerja dan kemajuan sebenar dicapai di bawah NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Negara) bagi Pengurangan Jenayah," kata Pengarah NKRA bagi Pengurangan Jenayah, Eugene Teh Yee.

Beliau menjelaskan bahawa Pemandu di bawah Jabatan Perdana Menteri hanya memperuntukkan 0.75 peratus atau RM 1.8 juta daripada dana GTP bagi program kesedaran awam dan media.

Peruntukan tersebut digunakan untuk memberitahu dan mengemaskini maklumat kepada rakyat mengenai inisiatif dan program yang telah dikenal pasti serta dilaksanakan untuk mencegah jenayah dan menjadikan jalan-jalan di Malaysia lebih selamat dan terjamin, katanya pada taklimat media di sini Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680125>